

Malaysia **saran** Jepun **syarat** pinjaman negara membangun

U.M. 25 DEC 1991

Daripada
Abdullah Hassan

TOKYO 24 Dis. — Malaysia hari ini menyarankan kepada Jepun untuk menimbang semula syarat pinjarnannya (soft loan) kepada negara-negara membangun ekoran kenaikan nilai matawang yen berbanding dolar Amerika.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad ketika membuat saranan itu berkata, syarat pinjaman masa kini kepada negara-negara yang mempunyai pendapatan perkapita di bawah AS\$2,300 merupakan syarat lama yang dibuat ketika nilai dolar Amerika tinggi daripada nilai yen.

"Bagaimanapun, keadaan sekarang sudah berubah di

mana nilai dolar Amerika menurun berbanding yen Jepun, oleh itu syarat pinjaman bagi negara berpendapatan di bawah AS\$2,300 perlu dikaji semula," katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata demikian kepada para wartawan Malaysia ketika diminta mengulas pertemuannya dengan Perdana Menteri Jepun, Encik K. Miyazawa di sini pagi ini.

Perdana Menteri berkata, Encik K. Miyazawa memberitahu, Jepun sebelum ini tidak pernah mengambil kira perkara yang beliau bangkitkan.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, ini adalah kerana Ke-

rajaan Jepun masih memperakukan ketetapan Bank Dunia yang menetapkan takrif negara maju berdasarkan kepada pendapatan per kapita melebihi AS\$2,300.

Dalam sidang akhbar dengan wartawan-wartawan Malaysia, Perdana Menteri juga memaklumkan beliau tidak membincangkan soal perubahan EAEC dan soal lawatan Presiden Bush ke Tokyo dengan Encik Miyazawa.

Beliau juga tidak membincangkan isu perkembangan Soviet, bagaimanapun menyentuh sepintas lalu mengenai campur tangan negara asing dalam hal ehwal dalaman sesebuah negara.

Dalam soal ini, Dato' Sri Dr. Mahathir menyarankan perlu-

nya sebuah badan antarabangsa dalam mengendalikan urusan dan bukannya campurtangan sesebuah negara secara individu.

Perdana Menteri turut tertarik dengan kemajuan yang dicapai oleh Oita Prefecture yang diilhamkan oleh gabenornya dan kini menjadi ikutan di seluruh dunia.

Dalam pada itu, ketika diminta mengulas mengenai keputusan pilihanraya kecil Jepun, beliauau berpuas hati dengan keputusan tersebut bagaimanapun menekankan perlunya satu kajian dibuat untuk mengkaji mengapa jumlah undi yang Barisan Nasional perolehi merosot.

"Saya juga akan mengadakan pertemuan dengan Daihatsu dan Mitsubishi sementara esok saya akan berjumpa dengan Bank Of Tokyo," jelasnya.

Esok Perdana Menteri juga dijadualkan mengadakan pertemuan dengan usahawan-usahawan Jepun di Hotel Imperial di sini.

Sementara itu, Dato' Sri Dr. Mahathir yang dalam rangka lawatan tidak rasmi ke sini bersama isteri, Dato' Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali telah diraikan oleh Maharaja dan Maharani Jepun dalam satu majlis makan tengah hari di Istana Akasaka Imperial di sini.

timbang semula